

BERITA HARIAN

Sektor awam kita terbaik di dunia'

KUALA TERENGGANU: Datuk Seri Najib Razak berkata, Malaysia berjaya menikmati pembangunan pesat dan menjadi negara contoh hasil kepemimpinan negara yang bijaksana dan mempunyai visi, dibantu kakitangan kerajaan yang cekap.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kepemimpinan politik saja tidak akan membawa perubahan besar, sebaliknya negara berhutang budi kepada institusi pentadbiran awam pada peringkat Pusat dan negeri, antara yang terbaik di dunia.


"Adunan kepemimpinan politik berpandangan jauh, mempunyai visi dan bijaksana membuat keputusan besar dan dibantu kakitangan awam yang komited membolehkan Malaysia menikmati pembangunan sekarang.

"Kita tidak boleh berhenti setakat ini. Perjuangan besar belum selesai dan perlu diteruskan bagi membolehkan bukan saja Malaysia maju, malah semua negeri maju," katanya pada perjumpaan dengan kakitangan kerajaan awam Terengganu di Wisma Darul Iman, di sini, semalam.

Turut hadir isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin; Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara, Senator Datuk Wong Foori Mehg dan Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Mokhtar Nong.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, kepemimpinan negara tidak membuat perancangan untuk tempoh dua atau tiga tahun atau sepanjang sepenggal pilihan raya, tetapi perancangan bagi satu generasi.

"Dalam membuat sesuatu dasar dan hala tuju, kita fikirkan kepentingan bagi satu generasi akan datang, tetapi pilihan raya penting juga," katanya sambil melahirkan rasa kagum dengan pembangunan Terengganu dalam tempoh empat tahun.



MAJU NEGARA: Najib diiringi Idris melawat projek pembinaan hotel Felda di Pulau Kambing, Kuala Terengganu, semalam.

Beliau berkata, antara petunjuk hasil pembangunan itu ialah kuasa membeli rakyat Terengganu semakin meningkat, manakala jumlah keluarga miskin tegar semakin mengecil dan dapat diatasi menjelang 2010.

Katanya, Kerajaan Pusat amat cakna dengan pembangunan Terengganu dan baru-baru ini Kabinet meluluskan cadangan menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM) sebagai lapangan terbang antarabangsa.

Beliau berkata, sebanyak RM200 juta diluluskan untuk menaik taraf LTSM, sesuai dengan kedudukan Terengganu di tengah negeri yang terbabit dalam Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER)

Malah, katanya, Terengganu an-

tara penerima peruntukan pembangunan terbesar bagi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) berjumlah RM7.2 bilion iaitu meningkat sekali ganda berbanding RMK-8.

FAKTA NOMBOR

Peruntukan di Terengganu

RM7.2b

RMK-9

RM200j

Naik taraf LTSM

Najib berkata, perubahan yang berlaku dan dinikmati sekarang akan berkekalan sekiranya kerajaan Barisan Nasional (BN) terus memerintah.

"Sekarang semuanya sudah nampak, tak payah nak bersuluh kerana apa yang ada di depan kita sudah terang.

"Kita nak perubahan, kita tidak mahu pada takuk lama. Semua janji yang dibuat, insya-Allah dapat kita ditunaikan. Kita dah tambah gaji (kakitangan), kita urus negara dengan cekap.

"Kita tidak akan buat janji seperti dilakukan pembangkang yang mendakwa ingin menurunkan harga minyak jika mereka memerintah," katanya.